

LAPORAN PENGARAH

bagi tahun berakhir 31 Disember 2002

Para Pengarah dengan ini membentangkan laporan mereka berserta dengan penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002.

Aktiviti-aktiviti utama

Aktiviti-aktiviti utama Bank di sepanjang tahun ini adalah menjalankan semua kegiatan perniagaan Bank dan perkhidmatan kewangan yang berkaitan, termasuk perkhidmatan-perkhidmatan Skim Perbankan Islam. Aktiviti-aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari di sepanjang tahun ini adalah pemfaktoran perkhidmatan kredit, perkhidmatan pengurusan harta, perkhidmatan nominee dan perkhidmatan pengurusan amanah. Aktiviti-aktiviti tersebut tidak mengalami sebarang perubahan ketara di sepanjang tahun kewangan ini.

Affin Futures Sdn Bhd sebuah syarikat subsidiari yang dimiliki sepenuhnya oleh Bank, telah ditamatkan operasi dan berada dalam keadaan dorman pada tarikh lembaranimbangan.

Keputusan kewangan

	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	29,389	20,088
Cukai dan zakat	1,009	1,252
Keuntungan selepas cukai dan zakat	30,398	21,340
Kerugian terkumpul belum diagih dibawa ke hadapan	(59,475)	(61,953)
Kerugian terkumpul belum diagih dihantar ke hadapan	(29,077)	(40,613)

Dividen

Tiada dividend yang dibayar oleh Bank semenjak penghujung tahun kewangan yang lalu.

Para Pengarah tidak mencadangkan sebarang dividen untuk tahun kewangan semasa.

Rizab dan peruntukan

Semua pindahan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan di sepanjang tahun kewangan dinyatakan di dalam penyata kewangan.

LAPORAN PENGARAH

bagi tahun berakhir 31 Disember 2002

Terbitan saham

Sepanjang tahun kewangan semasa, berikut adalah saham biasa RM1 yang telah diterbitkan oleh Bank kepada syarikat induknya:

Tarikh penerbitan	Bilangan saham	Syarat-syarat terbitan	Harga terbitan sesaham	Keperluan
26 Disember 2002	7,650,000	Bagi pembayaran hutang	RM1.25	Pengambilalihan BSN Merchant Bank Berhad
30 Disember 2002	100,000,000	Tunai	RM1.00	Penambahan modal operasi

Hutang lapuk dan hutang ragu

Sebelum penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi menentukan bahawa tindakan yang sesuai telah diambil berkaitan dengan penghapusan hutang lapuk dan pembiayaan dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan pembiayaan, dan berpuashati bahawa semua hutang lapuk dan pembiayaan yang diketahui telah dihapuskan dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu dan pembiayaan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui akan sebarang keadaan yang mungkin menyebabkan jumlah yang dihapuskan atau diperuntukkan untuk hutang lapuk dan ragu dan pembiayaan, di dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank tidak mencukupi yang akan membawa kesan yang ketara.

Aset-aset semasa

Sebelum penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan bahawa sebarang aset-aset semasa, selain daripada hutang dan pembiayaan yang tidak mungkin menghasilkan nilainya di dalam urusan perniagaan biasa, seperti yang dinyatakan dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Bank, telah dikurangkan nilainya ke paras yang dijangka boleh dihasilkan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui akan sebarang keadaan yang boleh menyebabkan nilai aset-aset semasa di dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank mengelirukan.

LAPORAN PENGARAH

bagi tahun berakhir 31 Disember 2002

Kaedah penilaian

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui akan sebarang keadaan yang boleh mengakibatkan kaedah penilaian aset-aset atau liabiliti-liabiliti dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank mengelirukan atau tidak sesuai.

Liabiliti luarjangka dan liabiliti-liabiliti lain

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang cagaran ke atas aset-aset Bank atau sesuatu syarikat dalam Kumpulan yang wujud sejak akhir tahun kewangan untuk menjamin sebarang liabiliti pihak lain; atau
- (b) sebarang liabiliti luarjangka Bank atau sesuatu syarikat dalam Kumpulan yang wujud sejak akhir tahun kewangan selain daripada kendalian urusan biasa Bank atau aktiviti-aktiviti Kumpulan.

Tiada liabiliti luarjangka atau liabiliti-liabiliti lain telah dikuatkuasakan, atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan berikutan akhir tempoh kewangan ini yang pada pendapat para pengarah, akan atau mungkin menjejaskan Kumpulan dan Bank dalam memenuhi segala kewajipan mereka apabila tiba masanya.

Perubahan keadaan

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui akan sebarang perubahan keadaan yang tidak diambilkira di dalam laporan ini atau di dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang boleh mengakibatkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata-penyata kewangan berkenaan mengelirukan.

Perkara-perkara yang bersifat luarbiasa

Para Pengarah berpendapat bahawa hasil operasi Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan ini tidak terjejas oleh apa jua butiran, urusaniaga atau perkara yang ketara atau luarbiasa sifatnya.

Dalam jangka masa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urusaniaga atau perihal yang penting atau bersifat luarbiasa yang akan menjejaskan hasil operasi Kumpulan dan Bank dalam tahun kewangan semasa di mana laporan ini disediakan.

LAPORAN PENGARAH

bagi tahun berakhir 31 Disember 2002

Para Pengarah

Nama para Pengarah Bank yang menyandang jawatan semenjak tarikh laporan yang lepas adalah seperti berikut:

YBhg. Jen (B) Tan Sri Dato' Seri Ismail Haji Omar (Pengerusi)	(Dilantik pada 21 Mei 2002)
YM Raja Dato' Seri Aman Ahmad (Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif)	
YBhg. Dato' Haji Lodin Wok Kamaruddin	
YM Dr. Raja Abdul Malek Raja Jallaludin	
YBhg. Dato' Dr. Megat Abdul Rahman Megat Ahmad	
YBhg. Dato' Dr. Lee Chee Kuon	(Dilantik pada 21 Mei 2002)
YBhg. Laksamana Madya (B) Dato' Seri Ahmad Ramli Mohd Nor	(Dilantik pada 21 Mei 2002)
YBhg. Dato' Razman Md. Hashim Che Din Md. Hashim	(Dilantik pada 21 Mei 2002)
YBhg. Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman	(Dilantik pada 28 Januari 2003)
YBhg. Jen (B) Tan Sri Dato' Zain Hashim	(Bersara pada 21 Mei 2002)
YBhg. Tan Sri Dato' Haji Yahya Abdul Wahab	(Bersara pada 21 Mei 2002)
YBhg. Lt. Jen (B) Dato' Mohd Yusof Din	(Bersara pada 21 Mei 2002)
YBhg. Dato' Abdul Malik Mohd Salleh	(Bersara pada 21 Mei 2002)

Kepentingan Pengarah

Mengikut Daftar Pegangan Saham para Pengarah, kepentingan para Pengarah pada akhir tahun kewangan ini dalam saham, waran dan opsiyen syarikat-syarikat berkaitan adalah seperti berikut:

	Saham RM1 seunit			Baki pada 31.12.2002
	Baki pada 1.1.2002	Belian	Jualan	
Affin Holdings Berhad				
YM Raja Dato' Seri Aman Ahmad	55,500	-	-	55,500
YBhg. Dato' Haji Lodin Wok Kamaruddin	8,714	-	-	8,714

	Saham RM10 seunit; RM5 belum dipanggil			Baki pada 31.12.2002
	Baki pada 1.1.2002	Belian	Jualan	
PAB Trustee Berhad*				
YM Raja Dato' Seri Aman Ahmad	20,000	-	-	20,000
YM Dr. Raja Abdul Malek Raja Jallaludin	20,000	-	-	20,000

* Saham-saham dipegang atas amanah untuk Bank

	Bilangan waran 2000/2005				Baki pada 31.12.2002
	Baki pada 1.1.2002	Pindaan	Belian	Jualan	
Affin Holdings Berhad					
YM Raja Dato' Seri Aman Ahmad	9,250	-	-	-	9,250
YBhg. Dato' Haji Lodin Wok Kamaruddin	1,500	-	-	-	1,500

LAPORAN PENGARAH

bagi tahun berakhir 31 Disember 2002

Setiap waran Syarikat ('Waran Affin 2000/2005') memberi hak kepada pemegang berdaftaranya untuk melanggan satu saham biasa baru RM1.00 setiap satu dalam Syarikat pada bila-bila masa dari tarikh terbitan pada 8 Julai 2000 pada harga langganan RM3.10 sesaham. Tempoh langganan Waran Affin 2000/2005 akan tamat tempoh pada 7 Julai 2005.

	Bilangan waran 1995/2005				Baki pada 31.12.2002
	Baki pada 1.1.2002	Pindaan	Belian	Jualan	
Affin Holdings Berhad					
YM Raja Dato' Seri Aman Ahmad	3,378	-	-	-	3,378

Setiap waran Syarikat ('Waran Affin 1995/2005') memberi hak kepada pemegang berdaftaranya untuk melanggan satu saham biasa baru RM1.00 setiap satu dalam Syarikat pada bila-bila masa dari tarikh terbitan pada 16 Mei 1995 pada harga langganan RM3.38 sesaham. Tempoh langganan Waran Affin 1995/2005 akan tamat tempoh pada 15 Mei 2005.

	Opsyen untuk saham biasa bernilai RM1 seunit				Baki pada 31.12.2002
	Baki pada 1.1.2002	Diberi	Dilanggan	Tamat Tempoh	
Affin Holdings Berhad					
YM Raja Dato' Seri Aman Ahmad	9,500,000	-	-	-	9,500,000*

* Opsyen ini adalah untuk lima tahun, diberikan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") untuk membeli saham Affin Holdings Berhad daripada LTAT pada harga RM2.10 sesaham. Opsyen ini akan tamat tempoh pada 22 November 2003.

	Opsyen untuk saham biasa bernilai 50 sen seunit				Baki pada 31.12.2002
	Baki pada 1.1.2002	Diberi	Dilanggan	Tamat Tempoh	
Boustead Holdings Berhad					
YBhg. Dato' Haji Lodin Wok Kamaruddin	9,500,000#	-	-	-	9,500,000
	500,000##	-	-	-	500,000

Ini adalah opsyen untuk lima tahun yang diberikan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") untuk membeli 9,500,000 saham Boustead Holdings Berhad daripada LTAT pada harga RM2.41 sesaham. Opsyen ini akan tamat tempoh pada 22 November 2003.

Opsyen ini telah diberikan oleh Boustead Holdings Berhad di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangannya pada harga opsyen sekitar RM1.88 sesaham dan akan tamat tempoh pada 22 July 2006.

Manfaat Pengarah

Semenjak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Pengarah yang telah menerima atau berhak menerima sebarang ganjaran (melainkan ganjaran dan bayaran emolumen-emolumen lain yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan) melalui kontrak yang ditandatangani oleh Bank atau korporat yang berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah menjadi ahli atau dengan syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang ketara melainkan beberapa Pengarah yang menerima ganjaran sebagai pengarah/eksekutif dalam syarikat-syarikat berkaitan.

LAPORAN PENGARAH

bagi tahun berakhir 31 Disember 2002

Tiada terdapat sebarang perancangan di akhir tahun kewangan ini atau pun sepanjang tahun kewangan ini di mana Bank atau syarikat-syarikat subsidiari mengambil bahagian yang membolehkan para Pengarah Bank memperoleh manfaat menerusi pembelian saham atau debentur Bank atau mana-mana badan korporat.

Keseluruhan strategi Perniagaan untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2002

Program untuk perniagaan dan rasionalisasi kos sedang diteruskan dengan pengurangan kakitangan dan penutupan cawangan. Sebagai 'niche player' dalam masa yang terdekat ini, akan memungkinkan ia berada dalam saiz pertengahan, pihak Bank akan mula melaksanakan satu strategi untuk menyelaraskan IT dan automasi bagi menyelenggara dan mengembangkan kemudahan penghantaran dan penyampaian pelanggan, dan pada masa yang sama membolehkan laluan fizikal dan tenaga kerja dikurangkan. Bahagian penting strategi ini melibatkan pemusatan dan automasi proses bilik belakang atau 'back-room processes'.

Sebahagian besar daripada kerja pembangunan sedang dilaksanakan di dalam tahun kewangan semasa. Berpatutan dengan persekitaran ekonomi yang masih lembap and kengkangan modal, pihak Bank memilih untuk tidak menumpukan kepada pertumbuhan aset tetapi untuk penyatuan dan mendefinisi semula asas pelanggannya. Pada masa yang sama, usaha yang lebih akan dibuat untuk memulihkan dan memperoleh semula aset-aset yang tidak berbayar.

Rancangan dan tinjauan perniagaan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003

Pemulihan pinjaman-pinjaman tidak berbayar dijangka akan memberi pulangan yang ketara di dalam tahun kewangan yang akan datang. Dengan jangkaan penyiapan and pelaksanaan beberapa projek strategik, Bank akan menyaksikan kemunculan saluran penyampaian yang baru dan perkhidmatan berserta platform berteknologi untuk meningkatkan produktiviti. Isu modal dan pemulihanimbangan lembaran akan dapat didalami dan diatasi melalui penyelesaian yang sepatutnya.

Penilaian oleh Agensi Luar

Bank telah dinilai oleh agensi luar yang berikut:

Nama agensi penilaian	: RATING AGENCY MALAYSIA BERHAD (RAM)
Tarikh Penilaian	: September 2001
Klasifikasi penilaian	
- Jangka panjang	: BBB2
- Jangka pendek	: P2

Penilaian BBB adalah ditakrifkan oleh RAM sebagai kebolehan untuk menawarkan jaminan keselamatan yang sederhana terhadap pembayaran faedah dan prinsipal dan kekurangan di dalam sesetengah elemen kawalan. Subskrip 2 dalam kategori ini, menunjukkan pangkat pertengahan di dalam kategori BBB. Penilaian P2 adalah didefinisikan sebagai obligasi yang disokong oleh kebolehan pembayaran obligasi hutang yang kukuh.

Syarikat induk dan korporat pemegang muktamad

Para pengarah menganggap Affin Holdings Berhad, sebuah syarikat yang disenarai dan diperbadankan di Malaysia, sebagai syarikat induk dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera, sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973, sebagai korporat pemegang muktamad.

LAPORAN PENGARAH

bagi tahun berakhir 31 Disember 2002


Juruaudit

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatannya.

Berdasarkan resolusi para Pengarah bertarikh 26 Februari 2003.



Jen (B) Tan Sri Dato' Seri Ismail Haji Omar
Pengerusi



Raja Dato' Seri Aman Ahmad
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif